

22 AUG 2003

Gerakan-Perpaduan

JADIKAN PERPADUAN SATU HAKIKAT - HISHAMMUDDIN

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Konsep perpaduan tidak harus merupakan slogan semata-mata tetapi hendaklah diterjemahkan menjadi satu gerakan yang kukuh dan dilindungi, kata pengerusi Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

"Tanpa mengira agama, bangsa dan jantina, kita mesti bersatu untuk menghadapi cabaran global dan agenda kuasa besar serta kumpulan ekstremis," katanya pada persidangan media selepas menghadiri perasmian persidangan Perwakilan Pemuda dan Wanita Gerakan di sini hari ini.

"Kalaulah majoriti boleh bersatu kita boleh memastikan kumpulan pelampau dan agenda kuasa besar tidak memesongkan kita daripada objektif yang lebih utama," katanya.

Merujuk kepada pameran Wawasan Gerakan 2020 yang diadakan sebagai penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata adalah amat penting kita diperingatkan mengenai kejayaan yang dikecapi melalui usaha keras yang dilakukan bertahun lamanya.

"Kita perlu mengingatkan anak muda kita dari semasa ke semasa kerana adakalanya kita lupa mengenai kejayaan yang dicapai. Ia bukannya dalam sekelip mata atau satu keajaiban sebaliknya ia melalui keringat susah payah dan airmata.

"Inilah keindahan dan identiti BN yang boleh diterjemahkan kepada sesuatu yang konkrit," kata Hishammuddin.

Beliau berkata projek seperti "Anak Malaysia" Gerakan yang dilakukan untuk mewujudkan satu generasi muda yang bersatu, progresif dan berkeyakinan, adalah amat penting dalam menggalakkan perpaduan.

"Saya tidak teragak-agak untuk melanjutkan projek ini ke peringkat kebangsaan. Kejayaannya bukan bergantung kepada bagaimana aktif sesuatu projek itu tetapi bagaimana ia dapat menyemai perpaduan di kalangan anak muda," kata Hishammuddin yang juga Ketua Pemuda Umno.

--BERNAMA

VP HM RON